

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 11.08.2025 MASA: 8.00AM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERUSAHA TUAN MOHD IBRAHIM BIN MD NOR
SETIAUSAHA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN PROGRAM ANUGERAH
KOMUNITI MAMPAN SEBERANG PERAI BAGI TAHUN
2025**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**12 OGOS 2025 (SELASA)
9.30 PAGI**

**AUDITORIUM, MENARA BANDARAYA
SEBERANG PERAI TENGAH**

Terima kasih Saudara/ Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perancangan
Bandar dan Desa

Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Dihormati Encik Ng Boon Keat

Ketua Pegawai Eksekutif

SAM Engineering and Equipment Berhad

Yang Berusaha Encik Ahmad Zabri bin Mohamed Sarajudin

Pengarah Perkhidmatan Perbandaran Merangkap Penyelaras

Majlis Pelancaran Pertandingan Anugerah Komuniti Mampan

Seberang Perai 2025

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Wakil-wakil Majlis Pengurusan Komuniti Kampung

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia MADANI,

1. Marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya, kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh bermakna ini dalam **Majlis Pelancaran Program Anugerah Komuniti Mampan Seberang Perai Bagi Tahun 2025.**
2. Izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengurus Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Jawi, atas kesudian hadir dan merasmikan majlis ini, meskipun jadual Yang Berhormat amat padat. Kehadiran Yang Berhormat membuktikan komitmen Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam mendokong agenda kelestarian komuniti di Seberang Perai.
3. Tidak lupa juga, setulus penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Encik Ng Boon Keat, CEO SAM Engineering & Equipment (M) Berhad, atas sokongan padu dan komitmen dalam menjalin kolaborasi

strategik bersama Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) bagi menjayakan program berimpak tinggi ini.

4. Program Anugerah Komuniti Mampan ini adalah hasil kerjasama strategik antara MBSP dan SAM Engineering & Equipment (M) Berhad, yang dilaksanakan sebagai inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) berteraskan pendekatan *smart partnership* melalui konsep 7Ps: *People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet and Partnership*. Ia adalah wadah yang dirangka bagi memberikan pengiktirafan kepada komuniti yang berjaya menonjolkan pencapaian cemerlang dalam kelestarian alam sekitar dan memperkuuh kemampuan di peringkat tempatan.
5. Sejajar dengan aspirasi Pelan Tindakan Local Agenda 21 (LA21) Seberang Perai, penyertaan program ini dibuka kepada semua Majlis Pengurusan Kemajuan Komuniti (MPKK), Kawasan Rukun Tetangga (KRT), Persatuan Penduduk (RA), Joint Management Body (JMB), Management Corporation (MC) serta pertubuhan sukarela berdasarkan komuniti di seluruh Seberang Perai.
6. Bagi tahun ini, pendaftaran dibuka mulai 1 hingga 31 Ogos 2025, manakala tarikh akhir penghantaran laporan ditetapkan pada 31 Disember 2025. Proses penilaian oleh panel juri akan berlangsung pada Januari 2026, diikuti dengan penyampaian hadiah bernilai

keseluruhan RM20,000.00, yang ditaja sepenuhnya oleh pihak SAM Engineering & Equipment (M) Berhad.

7. Penjurian bagi program ini akan menggunakan skema pemarkahan yang holistik, merangkumi aspek Kitar Semula & Upcycle, Pertanian Bandar, Pengurusan Sisa Organik, Kebersihan & Penghijauan serta Pengurusan, Pendidikan & Kelestarian. Para pemenang akan menerima hadiah wang tunai berserta sijil penghargaan mengikut kategori yang dipertandingkan, termasuk Anugerah Khas bagi pengiktirafan pencapaian cemerlang dalam bidang-bidang tertentu.
8. Saya yakin, inisiatif seperti ini bukan sahaja menggalakkan persaingan sihat, tetapi juga menjadi pemangkin kepada pembangunan komuniti yang lestari, berdaya tahan dan inklusif, sekaligus menyumbang ke arah menjadikan Seberang Perai sebagai bandar raya rendah karbon yang harmoni dengan alam sekitar.
9. Harapan saya, agar semua komuniti yang mengambil bahagian menjadikan penyertaan ini sebagai pemacu perubahan positif, membudayakan amalan kelestarian dalam kehidupan seharian, serta memperkuuh nilai kebersamaan demi kesejahteraan bersama. Sesungguhnya, kesejahteraan sebuah bandaraya bukan hanya bergantung kepada kemajuan fizikal semata-mata, tetapi turut diukur melalui kualiti hubungan antara manusia dan alam sekitarnya.

10. Akhir kata, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat, terutamanya Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye dan rakan strategik korporat kita, SAM Engineering & Equipment (M) Berhad, atas sokongan yang tidak berbelah bagi. Semoga Program Anugerah Komuniti Mampan ini menjadi agenda tahunan yang terus memperkuuh kerjasama antara pihak berkuasa tempatan, komuniti dan sektor swasta dalam menjayakan visi “Seberang Perai Berdaya Huni, Mampan, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar”.

Sekian, terima kasih.

*Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.*